

Ruj. Kami: ANM.PK.D/600-2/7Jld 2(1)  
Tarikh: 24 Julai 2023

Semua Ketua Jabatan Persekutuan/  
Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**PERINGATAN BULANAN: PROSES PERAKUAN 2 DI MODUL ARAHAN PEMBAYARAN  
DI SISTEM iGFMS BAGI BULAN JULAI 2023**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, semua Jabatan dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) adalah diingatkan untuk memastikan semua urusan Arahan Pembayaran dilaksanakan sehingga ke proses Perakuan 2 sebelum jam **12.00 tengahari** pada **31 Julai 2023** bagi membolehkan Pejabat Perakaunan melaksanakan proses larian bayaran pada hari yang sama.

3. Sehubungan dengan itu, **proses Perakuan 2 TIDAK DIBENARKAN** dibuat oleh semua Jabatan dan PTJ pada **31 Julai 2023 bermula dari jam 12.01 tengahari** sehingga **jam 11.59 tengah malam**. **Proses Perakuan 2** hanya boleh dilaksanakan semula bermula pada **1 Ogos 2023**.

4. Kerjasama daripada pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dalam mematuhi arahan ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**UNIT PENGURUSAN DANA  
JANM NEGERI PERAK**